

Ubah pemikiran, usah hanya harap yuran pelajar



Kemudahan di universiti boleh dibangunkan bagi memartabatkan bidang keilmuan dan pada masa sama menjadikan Malaysia sebagai negara tumpuan pengajian serantau”

Prof Dr Ahmad Ismail,
Bekas Presiden Persatuan
Kakitangan Akademik
Universiti Putra Malaysia

➔ Aset sedia ada dapat dikomersialkan bagi pelaburan masa hadapan

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Pengurusan universiti awam (UA) di negara ini harus lebih kreatif dan mengubah cara pemikiran mengikut trend masa kini dalam mencari peluang untuk menjana pendapatan sendiri.

Ini berikutan, kebanyakan pengurusan universiti masih berada pada pemikiran takut lama iaitu menumpukan kepada yuran pelajar, peruntukan penuh kerajaan dan pensyarah lebih menumpukan kepada pengajaran dan pembelajaran.

Menyifatkan pendekatan itu sudah ketinggalan zaman, bekas Presiden Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata bermula sekarang, UA perlu memikirkan bagaimana aset sedia

ada dapat dikomersialkan atau dibangunkan bagi pelaburan masa hadapan.

Bangun kemudahan

“Kemudahan di universiti boleh dibangunkan bagi memartabatkan bidang keilmuan dan pada masa sama menjadikan Malaysia sebagai negara tumpuan pengajian serantau.

“Sebagai contoh, universiti yang mempunyai kawasan dan lokasi yang strategik juga boleh menggiatkan kelebihan berkenaan untuk membangunkan pusat kecermerlangan yang menjadi tumpuan pakar pelbagai bidang dari seluruh pelosok dunia untuk datang berseminar, menjalani latihan atau persidangan.

“Universiti sebagai institusi akademik yang berupaya menganjurkan latihan, seminar dan persidangan adalah antara aktiviti utama yang boleh menjana kewangan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata, universiti yang memiliki pensyarah yang membuat penyelidikan mempunyai banyak maklumat terkini dan sudah pasti hasil inovasi mereka boleh dikomersialkan.

Pensyarah cemerlang

“Pensyarah yang cemerlang serta aktif menjadi aset penting universiti bagi menarik minat dalam menjalin kerjasama dengan industri tempatan mahu pun antarabangsa. Kepakaran tempatan ini juga boleh digunakan untuk tugas perundingan yang sememangnya diperlukan pihak kerajaan, agensi kerajaan dan swasta.

“Justeru, sudah tiba masanya kita menggunakan khidmat pensyarah tempatan untuk kerja perundingan berkaitan kerana di samping dapat mengurangkan pengaliran wang keluar negara, kita boleh menjimatkan perbelanjaan dan menjana pendapatan kepada universiti tempatan,” katanya.